

B651:

HUSSEIN-JAWATAN (GANTI BERITA B642)

KUALA LUMPUR, 22 JAN (BERNAMA) -- BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN ONN AKAN KEMBALI BERKHIDMAT KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA.

BELIAU BERSETUJU MENERIMA UNDANGAN UNTUK MENJADI PENASIHAT KEPADA PETRONAS DAN JUGA MENJADI Pengerusi Institut Kajian Strategik yang akan dibentuk oleh kerajaan tidak lama lagi.

Pengumuman ini dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad yang juga Presiden UMNO di malam +JASAMU DIKENANG+ bagi meraikan Tun Hussein di sini malam ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, institut yang akan ditubuhkan itu berfungsi mengkaji pergolakan dan perkembangan politik dan ekonomi dunia supaya negara ini memahaminya dan membentuk dasar-dasar yang sesuai dengan pergolakan-pergolakan tersebut.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata kerajaan amat berbangga kerana Tun Hussein menerima undangan berkhidmat semula kepada masyarakat dan negara. -- BERSAMBUNG 2245/ZCM

B652:

HUSSEIN-JAWATAN 2 KUALA LUMPUR

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu beliau mengutus surat kepada Tun Hussein meminta beliau berkhidmat semula kepada masyarakat dan negara minggu lalu.

Tun Hussein dalam jawapannya yang diterima pagi ini menerima permintaan tersebut dan menyatakan kesanggupannya memegang kedua-dua jawatan tersebut. -- BERNAMA 2246/ZCM

B653:

HUSSEIN-JAWATAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MENCADANGKAN TUN HUSSEIN BERKHIDMAT SEMULA KERANA MASYARAKAT DAN NEGARA MASIH MEMERLUKAN TENAGA DAN FIKIRANNYA.

+PENCEBURAN SEKALI LAGI TUN HUSSEIN DI DALAM +KHIDMAT MASYARAKAT+, AMATLAH DIALU-ALUKAN KERANA KITA TIDAK MEMPUNYAI BEGITU RAMAI ORANG YANG BERPENGALAMAN DALAM URUSAN PENTADBIRAN DAN MATANG BERFIKIR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUJUAN BELIAU MENGESYORKAN DEMIKIAN BUKANLAH UNTUK MEMBEBAHKAN TUN HUSSEIN TETAPI BELIAU PERCAYA SEBAGAI ORANG YANG BIASA BEKERJA TUN HUSSEIN TIDAK AKAN BERASA SENANG DENGAN TIDAK ADA KERJA HARIAN YANG HENDAK DIBUAT.

— BERSAMBUNG 2340/ZCM

HUSSEIN-JAWATAN 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI PENGALAMAN DENGAN BEKAS +KETUANYA+ ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUN HUSSEIN IALAH SEORANG YANG ADIL YANG TIDAK DAPAT MENERIMA APA-APA YANG BERASASKAN PILIH-KASIH.

KATANYA KEADILANNYA ITULAH BELIAU BERNASIB BAIK DIPILIH SEBAGAI TIMBALANNYA DENGAN TIDAK MENGAMBIL KIRA HUBUNGAN YANG BIASANYA BOLEH MEMPENGARUHI PEMILIHAN SEPERTI ITU.

MENURUT PERDANA MENTERI BEKERJA DENGAN TUN HUSSEIN ADALAH MUDAH KERANA UMUMNYA BELIAU TIDAK SUKA CAMPURTANGAN DALAM URUSAN PEMBANTUNYA.

KATANYA SESEORANG YANG DIPILIH UNTUK APA-APA JAWATAN DIKEHENDAKI MERANCANG DAN MENJALANKAN TUGAS SECARA SENDIRI DAN HANYA JIKA ADA MASALAH BARULAH MERUJUK KEPADA BELIAU.

+CARA INI MUNGKIN TIDAK DIGEMARI OLEH ORANG-ORANG YANG SUKA BERGANTUNG KEPADAKETUA TETAPI BAGI SAYA CARA INI ADALAH AMAT SESUAI UNTUK BEKERJA+, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR. — BERSAMBUNG 2303/ZCM

B655:

HUSSEIN-JAWATAN 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, RAKYAT AKAN SENTIASA MENGENANG TUN HUSSEIN SEBAGAI SEORANG NEGARAWAN ULUNG DALAM MENDOKONG DAN BERPEGANG KUAT KEPADA PRINSIP.

OLEH KERANA PEGANGAN ITULAH UMNO TELAH DAPAT MENGATASI SEGALA KRIISIS PARTI DAN KERAJAAN YANG BERLAKU SEMASA TUN HUSSEIN MENIMPINNYA, KATA BELIAU.

+PEGANGAN KEPADA PRINSIP ITU DIHORMATI OLEH RAKYAT MENJADI NYATA APABILA DALAM PILIHANRAYA 1978 BARISAN NASIONAL MENCAPAI KEMENANGAN YANG LUAR BIASA.+ TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

KATANYA SELAIN DARI KEMENANGAN PERIKATAN DALAM PILIHANRAYA PERTAMA PADA TAHUN 1955 KEMENANGAN PADA TAHUN 1978 DI BAWAH PIMPINAN TUN HUSSEIN ADALAH YANG TERBAIK BAGI BARISAN NASIONAL YANG MEWARISI TEMPAT PERIKATAN.

DI SAMPING MENGHARGAI PENGLIBATAN TUN HUSSEIN DI DALAM UMNO SEJAK TAHUN 1946, PRESIDEN UMNO ITU JUGA MENGHARGAI JASA-JASA ALLAHYARHAM DATUK ONN JAAFAR YANG TELAH MENUBUHKAN UMNO. -- BERSAMBUNG 2308/ZCM

B656:

HUSSEIN-JAWATAN 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA TUN HUSSEIN MENJADI SIMBOL PERPADUAN DI DALAM UMNO DAN BARISAN NASIONAL.

+KITA HARUSLAH MENJADIKAN MALAM INI SEBAGAI MAJLIS MENINGATI SEMULA AMANAH-AMANAH TUN HUSSEIN MENGENAI PERPADUAN YANG SERING KALI DITEGASKAN KEPENTINGANNYA OLEH BELIAU, + UJARNYA.

SOAL PERPADUAN AKAN TERUS MENJADI FAKTOR UTAMA BAGI MASA DEPAN MALAYSIA DAN SETIAP PEMIMPIN DI DALAM BARISAN NASIONAL HARUSLAH MENGINSAFI BAHWA MEMELIHARA PERPADUAN DI DALAM NEGARA YANG MEM-PUNYAI MASYARAKAT MAJUMUK ADALAH SAMA SEPerti MENATANG MINYAK YANG PENUH, TEGASNYA.

DALAM USAHA ITU SEMUA PIHAK HARUS MENYEDARI BAHWA MUSUH SENTIASA Mencari JALAN UNTUK MEMECAH-BELAHKAN RAKYAT DAN TIDAK JEMU Mencari ISU YANG BOLEH MENIMBULKAN SALAH FAHAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TUN HUSSEIN TERKENAL SEBAGAI SEORANG YANG BEGITU TELITI TERHADAP SESUATU ISU DAN INI SEPATUTNYA MENJADI CONTOH.

BELIAU BERHARAP UMNO DAN PARTI-PARTI DI DALAM BARISAN NASIONAL MEMPUNYAI SIFAT ITU SUPAYA +JANGANLAH KERANA NILA SETITIK ROSAK SUSU SEBELANGA.+ .

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU TALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, TOH PUAN HAJAH SUHAILA, BEKAS PERDANA MENTERI, TUNKU ABDUL RAHMAN PUTERA ALHAJ DAN BEKAS YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG TUN HAJI SARDON JUBIR. -- BERNAMA 2358/ZCM